

DATE: 8/10/2010

Ekonomi digital asas capai negara maju

bH - 8/10/2010

ICT mampu sumbang 10.2 peratus KDNK: PM

Oleh Johari Ibrahim
dan Magendran Rajagopal
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak yakin ekonomi digital yang inovatif akan menjadi asas utama untuk mencapai tahap negara maju apabila bermulanya fasa ketiga Agenda Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia pada tahun depan.

Perdana Menteri berkata, sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) itu diunjur mampu menyumbang 10.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2015.

Fasa ketiga Agenda MSC Malaysia bermula tahun depan sehingga 2020.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan (ICM) Ke-22 dan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Ke-13, Perdana Menteri berkata beberapa keputusan penting mengenai ICT yang dicapai mampu memberi kesan besar terhadap Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).

"Kita sudah berbincang dan memutuskan pelaksanaan lima syor yang akan diterajui Perbadanan Pemba-

ngunan Multimedia (MDeC) iaitu membangunkan pelan nasional dan rangka kerja Ekonomi Digital Inovatif serta penggarapan teknologi merentasi semua sektor ekonomi bagi menjana produktiviti serta inovasi.

"Syor ketiga pula mensasarkan perubahan Malaysia menjadi hub penciptaan rumusan ICT yang rancak untuk pasaran eksport disusuli usaha memperkaskan bidang itu sebagai kelebihan daya saing nasional dan akhir sekali, penggunaan ICT bagi meningkatkan mutu hidup segenap lapisan masyarakat," katanya.

Najib berkata, fasa dua Agenda MSC Malaysia yang dijadualkan berakhir hujung 2010, kini sudah pun melampaui sasaran dengan menyumbang RM35 bilion kepada KDNK antara 2004 hingga 2010 dan mewujudkan 83,000 peluang pekerjaan, sekali gus mengukuhkan kedudukan negara sebagai hub ICT global.

Pada masa sama, katanya, kerajaan memutuskan untuk mengkaji semula dasar imigresen berkaitan permit kerja pelajar asing dalam sektor pengetahuan yang mana 1,000 pelajar asing yang layak dari institusi pe-

ngajian tinggi tempatan akan diberi permit kerja bagi mengatasi kemungkinan ketandusan bakat ICT pada masa depan.

Berhubung isu kekangan kewangan industri kecil dan sederhana (IKS), Najib berkata satu pasukan bertindak akan ditubuh bagi memudahkan permohonan pinjaman membiayai pembesaran operasi, termasuk menyelaras dan melaksana model penilaian harta intelektual kebangsaan yang boleh diterima sebagai cagaran oleh institusi kewangan.

Beliau berkata, pendekatan itu perlu bagi memastikan perkembangan ICT negara dan peningkatan penggunaan hasil ICT dalam negara turut memanfaatkan syarikat tempatan dari segi penguasaan pasaran yang lebih besar.

"Dalam fasa tiga, Agenda MSC Malaysia perlu kukuhkan sektor ICT negara dengan meneroka perkembangan baru bagi membina ekonomi digital inovatif yang menguasai 35 peratus dagangan global bernilai AS\$17 trilion (RM59.5 trilion) tahun lalu dan pendapatan e-dagang pula diunjur mencecah AS\$3.8 trilion (RM13.3 trilion) menjelang 2020," katanya.